

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
BILANGAN 3 TAHUN 2025**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2025 (AHAD)

MASA : 9:00 – 11:00 MALAM

**TEMPAT : DEWAN SEMINAR SERI PENAMPANG
ARAS 2, DE MOCCIS LAKE RESORT TELUK INTAN
TELUK INTAN, PERAK**

**PENGERUSI : YBHG. DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD
KETUA SETIAUSAHA**

KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN A

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	PERUTUSAN PENGERUSI	
	<p>1.1 YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat yang hadir di mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 3 Tahun 2025.</p> <p>1.2 YBhg. Dato' Sri Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara seperti berikut:</p> <p>i) Merakamkan ucapan tahniah diatas pelantikan Ahli MBJ yang baharu selari dengan pergerakan keluar masuk pegawai di Kementerian ini iaitu, YBrs. Tuan Haji Rahman bin Mat Din, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan), Encik Hamizam bin Abdulla Zabidi @ Ahmad</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Zawawi, Setiausaha Bahagian, Bahagian Kewangan dan Pembangunan, Puan Nur Aqilah Auni Najlaa binti Aiyub, Pegawai Undang-Undang yang mewakili Skim Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman dan Puan Roziwaty binti Junaidi, Akauntan yang mewakili Skim Perkhidmatan Akauntan;</p> <p>ii) Merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dalam penganjuran Kursus Pengukuhan Pasukan MBJ KUSKOP Tahun 2025 dan Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2025 yang diadakan di De MOCCIS Lake Resort, Teluk Intan, Perak pada 23 hingga 24 November 2025;</p> <p>iii) Dapatan Kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam atau <i>Public Service Corruption Ranking</i> (PSCR) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tahun 2024 mendapati KUSKOP berada dikedudukan ke-3 terbaik dari 24 Kementerian iaitu melibatkan kajian tahap rasuah dan pelanggaran integriti Kementerian/Jabatan/Agensi awam melalui pengukuran 9 komponen yang telah ditetapkan. Ia mencerminkan usaha dan komitmen tidak berbelah bahagi Kementerian dalam memerangi risiko berlakunya salah laku berkaitan integriti dan rasuah dikalangan warga;</p> <p>iv) KUSKOP meraih kejayaan dengan merangkul Anugerah Emas bagi kategori Pengurusan Aduan Kementerian dalam Majlis Apresiasi Penarafan Pengurusan Aduan Awam Kementerian Tahun 2025 dan tempat ke-3 bagi Kategori Anugerah Prestasi Pembangunan Terbaik (Peruntukan di bawah RM1 Bilion). Kejayaan ini tidak akan dicapai tanpa</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>adanya kerjasama erat dan persefahaman yang kukuh diantara Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja;</p> <p>v) KUSKOP berjaya mengekalkan prestasi pembayaran bil dan tuntutan pada tahap 97% dalam masa 5 hari bekerja dari tarikh bil dan tuntutan diterima dengan lengkap dan sempurna, malah peratusan yang tinggi juga dalam masa 3 hari bekerja;</p> <p>vi) Belanjawan 2026 menyediakan peruntukan tertinggi dalam sejarah KUSKOP berbanding tahun-tahun sebelumnya, iaitu melibatkan peruntukan sebanyak RM1.015 bilion meningkat lebih 20% berbanding RM815.13 juta bagi tahun 2025. Tambahan peruntukan yang tinggi ini mencerminkan keyakinan dan kepercayaan Kerajaan kepada peranan KUSKOP sebagai sebuah Kementerian yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam memperkasa sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta koperasi dengan tumpuan khusus kepada Bumiputera, wanita, B40 dan belia;</p> <p>vii) Memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan proses kerja dan produktiviti dengan mentransformasikan kaedah pengurusan dokumen konvensional kepada pelaksanaan sistem digitalisasi iaitu meliputi pengurusan surat, minit tindakan susulan dan dokumen berkaitan;</p> <p>viii) Membudayakan amalan memberi salam, bertegur sapa dan senyum perlu menjadi rutin harian secara berterusan agar menjadi budaya warga Kementerian. Sapaan yang</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>diungkapkan seperti “Assalamualaikum atau Salam Sejahtera dan Selamat Pagi” merupakan sebahagian daripada amalan bertegur sapa bagi mewujudkan suasana harmoni dan hubungan baik di kalangan warga Kementerian dapat dikekalkan;</p> <p>ix) MBJ merupakan platform yang melibatkan semua pihak dalam memberikan sumbangan kepada pelaksanaan agenda dan dasar-dasar Kerajaan. Oleh itu, sesuatu kejayaan dan pengiktirafan yang dicapai bukanlah hasil kerja individu semata-mata namun dari hasil kekuatan kerjasama erat semua pihak;</p> <p>x) Hala tuju dan fokus dalam Mesyuarat MBJ pada tahun 2026 adalah merangkumi aspek peningkatan prestasi khususnya di peringkat Kumpulan Pelaksana serta memberi penekanan kepada kebajikan warga Kementerian; dan</p> <p>xi) Mencadangkan agar Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2026 diadakan di luar pejabat bagi menyemarakkan lagi semangat kerjasama dan kebersamaan Pihak Pekerja dan Pihak Pengurusan dalam memelihara kebajikan warga Kementerian yang bukan sahaja terhad kepada persekitaran tempat kerja tetapi juga di luar tempat kerja.</p> <p>MAKLUM BALAS PERKARA BERBANGKIT DAN PEMBENTANGAN USUL BAHARU</p> <p>i) Maklum balas perkara berbangkit dalam mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2025 adalah seperti berikut:</p>	

BIL.	PERKARA		TINDAKAN
		<p>a) Pusingan Kerja Bagi Jawatan Kader;</p> <p>b) Kuota Khas Saham Bank Rakyat;</p> <p>c) Sesi Interaktif Turun Padang Ketua Setiausaha KUSKOP Bersama Warga Kerja Pusat Khidmat Kontraktor Negeri;</p> <p>d) Sesi Perkongsian Ilmu Koperasi KUSKOP (KUSCOOP) Berhad; dan</p> <p>e) Pelaksanaan Mesyuarat MBJ di Luar Pejabat.</p> <p>Manakala usul baharu dari Pihak Pekerja adalah seperti berikut:</p> <p>a) Memuat Naik Dokumentasi Arahan-Arahan Pentadbiran Kementerian di Portal Kementerian; dan</p> <p>b) Penekanan Penganjuran Program Aktiviti Gaya Hidup Sihat.</p>	
2.0	PERUTUSAN Pengerusi Pihak Pekerja		
	2.1	<p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan ucapan balas Pengerusi Pihak Pekerja seperti berikut:</p> <p>i) Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Sri Pengerusi di atas cadangan strategik penganjuran Kursus Pengukuhan Pasukan MBJ KUSKOP Tahun 2025 dan Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2025 di lokasi luar pejabat. Inisiatif ini dilihat sebagai langkah berkesan untuk mengeratkan hubungan Pihak Pengurusan dan Pekerja, seterusnya membina sinergi yang lebih positif;</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>ii) Merakamkan penghargaan kepada Puan Rohaizan binti Ismail, mantan Naib Pengerusi Pihak Pekerja dan Puan Izzah Hazwani binti Azmi di atas sumbangan mereka yang telah bertukar keluar ke jabatan baharu;</p> <p>iii) Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan dan kesediaan Pihak Pengurusan yang sentiasa bertindak pantas dalam menangani setiap isu yang dibangkitkan, sekali gus mempamerkan komitmen berterusan ke arah persekitaran kerja yang harmoni dan produktif. Menegaskan bahawa semua usul yang dibentangkan adalah isu-isu yang relevan dan memberi impak langsung kepada kesejahteraan warga Kementerian.</p>	
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ BILANGAN 2 TAHUN 2025	
3.1	Minit Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2025 bertarikh 14 Julai 2025 disahkan tanpa pindaan.	MAKLUMAN
4.0	MAKLUM BALAS DARIPADA MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 2/2025	
4.1	<p>PUSINGAN KERJA BAGI JAWATAN KADER</p> <p>BPSM memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) BPSM telah mengemukakan surat permohonan pusingan kerja melibatkan pegawai-pegawai jawatan kader yang telah berkhidmat melebihi 5 tahun di KUSKOP kepada semua Ketua Pekhidmatan iaitu melibatkan Kementerian Kerja Raya, Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kemajuan Islam</p>	MAKLUMAN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Malaysia, Jabatan Digital Negara, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara. Sehingga 21 November 2025, seramai 33 orang pegawai kader telah terlibat dengan pusingan kerja.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan perkara berikut:</p> <p>ii) Kuasa penempatan dan pertukaran terletak pada Ketua Perkhidmatan yang mempunyai bidang kuasa menyeluruh ke atas skim perkhidmatan tersebut. Pusingan kerja atau penempatan semula pegawai jawatan kader adalah diuruskan Ketua Perkhidmatan yang berkaitan dan bukan oleh Kementerian dimana pegawai ditempatkan. Pegawai tersebut boleh digerakkan mengikut keperluan perkhidmatan ke mana-mana Kementerian atau agensi.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU usul telah selesai.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>SELESAI</p>
4.2	<p>KUOTA KHAS SAHAM BANK RAKYAT</p> <p>Pejabat Ketua Setiausaha memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Surat kepada Pengerusi Bank Rakyat berhubung permohonan kuota khas saham Bank Rakyat kepada warga Kementerian telah dikemukakan pada 6 November 2025.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan perkara berikut:</p> <p>ii) Pihak pengurusan Bank Rakyat telah menyatakan kesediaan untuk mempertimbangkan peruntukan saham kepada warga</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>MAKLUMAN</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Kementerian sekiranya terdapat kekosongan saham pada masa hadapan.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU usul telah selesai.</p>	SELESAI
4.3	<p>SESI INTERAKTIF TURUN PADANG KETUA SETIAUSAHA KUSKOP BERSAMA WARGA KERJA PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR NEGERI</p> <p>Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Sesi Interaktif Turun Padang Ketua Setiausaha Bersama Warga Kerja PKK telah diadakan pada 13 Ogos 2025 melibatkan warga PKK Cawangan Negeri Sarawak dan pada 23 September 2025 melibatkan warga PKK Cawangan Negeri Pahang.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan perkara berikut:</p> <p>ii) Program ini akan diteruskan di PKK Cawangan Negeri Sabah, zon selatan dan zon utara pada tahun 2026.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU usul telah selesai.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>PKK</p> <p>SELESAI</p>
4.4	<p>SESI PERKONGSIAN ILMU KOPERASI KUSKOP (KUSCOOP) BERHAD</p> <p>Koperasi KUSKOP (KUSCOOP) Berhad memaklumkan perkara berikut:</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>i) KUSCOOP Berhad telah mengadakan sesi perkongsian ilmu secara fizikal mengenai Koperasi KUSCOOP pada program Kursus Asas Penubuhan Koperasi Baharu Tahun 2025 anjuran Bahagian Pembangunan Koperasi, Peniaga dan Penjaja Kecil (BKKPPK) yang diadakan di Himalaya Camp, Gopeng, Perak pada 22 September 2025.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan perkara berikut:</p> <p>ii) Satu pertemuan antara pihak pengurusan KUSKOP Berhad dan YBhg. Dato' Sri Pengerusi diatarkan bertujuan untuk meneliti serta membincangkan mekanisme baharu dalam usaha meningkatkan pulangan dan manfaat yang optimum kepada ahli koperasi.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU usul telah selesai.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>KUSCOOP BERHAD</p> <p>SELESAI</p>
4.5	<p>PELAKSANAAN MESYUARAT MBJ DI LUAR PEJABAT.</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Kursus Pengukuhan Pasukan MBJ dan Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2025 telah diadakan di De Moccis Lake Resort Teluk Intan, Teluk Intan, Perak pada 23 hingga 24 November 2025.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU usul telah selesai.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>SELESAI</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5.0	PEMBENTANGAN USUL/ISU BAHARU PIHAK PEKERJA	
5.1	<p>MEMUAT NAIK DOKUMENTASI ARAHAN-ARAHAN PENTADBIRAN KEMENTERIAN DI LAMAN PORTAL KEMENTERIAN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Terdapat pelbagai arahan-arahan yang melibatkan peraturan kewangan dan arahan-arahan pentadbiran yang dikeluarkan oleh pelbagai Bahagian dan diedarkan secara manual atau emel kepada Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan warga Kementerian. Menyarankan supaya semua arahan yang masih berkuatkuasa didokumentasikan di dalam portal KUSKOP agar dapat memberi kemudahan kepada warga Kementerian sebagai sumber rujukan dan dalam melancarkan urusan kerja.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) Mewujudkan portal intranet atau sistem pengurusan dokumen dalaman yang berfungsi sebagai repositori berpusat untuk semua arahan, pekeliling dan garis panduan pentadbiran dalaman Kementerian. Ianya dikhaskan secara eksklusif bagi kegunaan warga Kementerian sahaja yang memerlukan pengesahan log masuk serta tidak boleh diakses oleh orang awam atau melalui carian enjin awam.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>	<p>SUBK (P) & BPTM</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5.2	<p>PENEKANAN PENGANJURAN PROGRAM AKTIVITI GAYA HIDUP SIHAT</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan penjawat awam yang sihat dan produktif, penekanan utama harus diberikan oleh pihak Kementerian dengan melaksanakan program dan aktiviti gaya hidup sihat secara berkala di peringkat Kementerian yang bertujuan memupuk kesejahteraan holistik merangkumi aspek fizikal, mental dan sosial.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) Pembudayaan gaya hidup sihat kini disokong dengan kemudahan Gimnasium KUSKOP Fitness Centre (KFC) yang disediakan untuk memudahkan aktiviti fizikal pada waktu rehat atau selepas pejabat;</p> <p>iii) BKP perlu menyusun atur perancangan aktiviti iaitu meliputi program intervensi kesihatan dan penganjuran program bersifat santai. Bagi memastikan penglibatan menyeluruh warga Kementerian, penganjuran sambutan bagi program-program berkenaan diadakan secara bergilir antara KUSKOP/PKK (Ibu Pejabat) dan PKK Cawangan Negeri, tertakluk kepada kesesuaian logistik.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara iii) disusuli hingga selesai.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>BKP</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
6.0	HAL-HAL LAIN	
6.1	<p data-bbox="360 506 1098 539">PENGIKTIRAFAN KEPADA WARGA KEMENTERIAN</p> <p data-bbox="360 600 1246 689">Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) memaklumkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="360 750 1246 1137">i) Sistem pengiktirafan yang baik perlu disokong dengan ekspektasi amalan budaya kerja berprestasi tinggi di kalangan penjawat awam, peningkatan kompetensi prestasi, produktiviti dan daya inovasi penjawat awam. Justeru itu, inisiatif pengiktirafan dalaman diperingkat Kementerian perlu diwujudkan bagi menghargai sumbangan dan penglibatan pegawai yang telah mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang; <li data-bbox="360 1198 1246 1780">ii) Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) kepada penjawat awam merupakan satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan tertinggi Kerajaan, sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri atas jasa, sumbangan cemerlang dan perkhidmatan setia mereka kepada negara dan perkhidmatan awam. Justeru itu, proses pencalonan DKBP diteliti semula secara rapi bagi memastikan tiada lapisan gred yang layak tertinggal dalam pertimbangan pencalonan mengikut kriteria dan garis panduan yang telah ditetapkan, sekali gus dapat meningkatkan moral dan motivasi mereka untuk terus memberikan khidmat yang terbaik. <p data-bbox="360 1841 1246 1928">Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>iii) Inisiatif pengiktirafan dalaman Kementerian diwujudkan bagi menghargai jasa dan sumbangan warga Kementerian melalui pemberian sijil penghargaan serta meneliti semula proses penyelarasan pencalonan DKBP agar pencalonan di semua lapisan gred yang memenuhi syarat adalah diberi peluang untuk dicalonkan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara iii) disusuli hingga selesai.</p>	BPSM
6.2	<p>PORTAL CADANGAN WARGA KEMENTERIAN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Portal Cadangan Warga Kementerian dibangunkan sebagai saluran rasmi untuk menerima pandangan, pendapat dan sumbangan idea daripada warga Kementerian secara berstruktur dan efisien.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) Pihak Pekerja mengemukakan kertas cadangan dan garis panduan umum yang terperinci kepada pihak pengurusan Kementerian mengenai cadangan untuk mewujudkan portal berkenaan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>	PIHAK PEKERJA

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
6.3	<p>PENGUKUHAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (AI)</p> <p>Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Pihak Pekerja perlu bersama-sama bergerak seiring menyokong usaha dan inisiatif dalam memperkukuhkan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dikalangan warga Kementerian bagi memastikan kejayaan pelaksanaan agenda transformasi digital negara secara kolektif.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) Pihak Pekerja perlu menganjurkan program "MBJ <i>Future Ready</i>" seperti program secara dalam talian untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan literasi digital di kalangan warga Kementerian</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>	PIHAK PEKERJA
6.4	<p>PELAKSANAAN KAJIAN INDEKS KEPUASAN KEBAJIKAN WARGA</p> <p>Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Kajian Indeks Kepuasan Kebajikan Warga Kementerian dilaksanakan secara komprehensif pada setiap tahun bagi mengukur tahap keberkesanan inisiatif kebajikan sedia ada</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>serta mengenal pasti jurang perbezaan antara keadaan semasa dengan matlamat yang diinginkan selaras dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan penjawat awam.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) Pihak Pekerja melalui mekanisme MBJ melaksanakan Kajian Indeks Kepuasan Kebajikan Warga secara berkala, bertujuan untuk mendapatkan data terperinci mengenai tahap kesejahteraan semasa warga Kementerian dan seterusnya dapat merangka perancangan strategik penambahbaikan yang lebih berkesan dapat dilaksanakan bagi memastikan kebajikan warga Kementerian sentiasa terpelihara dan selari dengan keperluan semasa.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>	<p>PIHAK PEKERJA</p>
6.5	<p>E- BULETIN MAJLIS BERSAMA JABATAN</p> <p>Setiasaha Bahagian Kanan (Pengurusan) memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Terbitan E-Buletin MBJ diwujudkan untuk menyebarkan serta mendokumentasikan aktiviti-aktiviti MBJ KUSKOP yang telah dilaksanakan.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>ii) Pihak Pekerja dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat menubuhkan jawatankuasa kerja, merangka struktur dan menerbitkan E-Buletin MBJ secara berkala yang boleh diakses melalui portal intranet rasmi Kementerian.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>	<p>PIHAK PEKERJA & BPTM</p>
6.6	<p>PROGRAM PENANDA ARAS MBJ KUSKOP BERSAMA MBJ KEMENTERIAN/JABATAN YANG BERPRESTASI TINGGI</p> <p>Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Mencadangkan program penanda aras MBJ KUSKOP khususnya di Pihak Pekerja bersama MBJ Kementerian/Jabatan lain yang berprestasi tinggi untuk mempelajari dan mencontohi kaedah pengurusan pelaksanaan MBJ serta amalan terbaik yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh organisasi berkaitan.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) Pelaksanaan program penanda aras MBJ KUSKOP bersama Kementerian/Jabatan yang berprestasi tinggi perlu diadakan yang bertujuan untuk memperoleh sinergi kerjasama yang menyeluruh serta mengadaptasi amalan terbaik yang sedia ada, sekali gus menyumbang kepada</p>	<p>PIHAK PEKERJA</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>penjanaan idea bernas dan peningkatan prestasi demi kepentingan organisasi secara holistik.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>	
6.7	<p>WAKIL KEMENTERIAN BAGI MENGHADIRI MAJLIS DAN PROGRAM RASMI KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI KERAJAAN LAIN</p> <p>Setiausaha Bahagian BKP memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Kementerian sering menerima surat jemputan secara <i>ad-hoc</i> berhubung undangan menghadiri program rasmi agensi luar, yang menyukarkan penyelarasan pencalonan wakil Kementerian. Bagi memudahkan proses pengurusan dan penyelarasan pencalonan wakil Kementerian, adalah dicadangkan wakil Pihak Pekerja turut hadir bersama sebagai sebahagian daripada kuota wakil rasmi Kementerian.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU dengan saranan yang dikemukakan dan perkara ini selesai.</p>	PIHAK PEKERJA
6.8	<p>KELEWATAN MENERIMA BAYARAN BALIK TUNTUTAN ELAUN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Memohon Bahagian Kewangan dan Pembangunan (BKew) mempercepatkan proses tuntutan Elaun Perjalanan Dalam</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Negeri dan Elaun Lebih Masa kerana terdapat aduan daripada pegawai bahawa bayaran tuntutan elaun mengambil masa yang lama untuk diselesaikan oleh BKew sehingga menjejaskan perancangan kewangan pegawai pada bulan tersebut.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) BKew memaklumkan tempoh memproses tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri dan Elaun Lebih Masa adalah bergantung kepada ketersediaan dokumen yang lengkap dan baki peruntukan yang mencukupi di Bahagian; dan</p> <p>iii) YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengingatkan supaya keutamaan dan perhatian diberikan kepada perkara ini. Setiap tuntutan yang telah diterima perlu diproses dalam tempoh masa yang telah ditetapkan tanpa sebarang kelewatan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU dengan saranan yang dikemukakan dan perkara ini selesai.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>BKEW</p>
7.0	PENUTUP	
7.1	YBhg. Dato' Sri Pengerusi menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan berharap semua Ahli MBJ dapat memberikan komitmen penuh, pandangan yang membina serta seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan Kementerian.	

BIL.	PERKARA		TINDAKAN
7.2	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:00 malam dengan ucapan salam oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi.		

Disediakan oleh:


(SAIFUL AZMI BIN AB HALIM)
 Setiausaha Bersama (Majikan)
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 8/12/2025

Disediakan oleh:


(AEIDA BINTI MD NORDIN)
 Menjalankan Tugas Setiausaha Bersama
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 12/12/2025

Disemak oleh:


(DR. MOHD FAIZAL BIN ABDUL GHANI)
 Pengerusi (Pihak Pekerja)
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 12/12/2025

Disahkan oleh:


(DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD)
 Pengerusi
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 6/1/2026

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)
BILANGAN 3 TAHUN 2025**

PIHAK PENGURUSAN

1. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud** - Pengerusi
Ketua Setiausaha
2. **YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Keusahawanan)
3. **Encik Mohd Asri bin Mohamed**
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
4. **Encik Hamizam bin Abdulla Zabidi @ Ahmad Zawawi**
Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan
5. **Puan Nur Ezwin binti Kamarudin**
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
6. **Encik Sharhan bin Shokery**
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
7. **Encik Ariff Murzali bin Ramlee**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
8. **Encik Saiful Azmi bin Ab Halim** - Setiausaha Bersama
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PIHAK PEKERJA

9. **Dr. Mohd Faizal bin Abdul Ghani** - Pengerusi Pihak Pekerja
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M12)

10. **Puan Aeida binti Md Nordin** - Setiausaha Bersama
Setiausaha Pejabat
Pejabat Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha
Pejabat/Setiausaha Pejabat (Gred N1-N6)

11. **Ts. Puan Azian Fatilah binti Mia**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian *Business Licensing Electronic Support System*
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F12)

12. **Puan Roziwaty binti Junaidi**
Akauntan
Bahagian Akaun
- Mewakili Skim Perkhidmatan Akauntan (Gred W9-W12)

13. **Encik Abdul Azeef bin Abdul Ariff**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M9-M10)

14. **Encik Sofiyuddin bin Mat Salleh**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F9-F10)

15. **Encik Munasir bin Ab Rahim**
Penolong Akauntan
Bahagian Akaun
- Mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan (Gred W5-W6)

16. **Encik Mohd Zain bin Md Ludin**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
- Mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F5-F7)

17. **Encik Muhammad Baihaqi bin Sulaman**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Gred N1-N3)

18. **Puan Iyyana binti Abd Rahim**
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) (Gred N1-N3)

19. **Encik Muhammad Hilmi bin Nazilee**
Pembantu Pustakawan
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Penerangan/Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Pegawai Psikologi/ Penolong Pustakawan (Gred S5-S6) dan Pembantu Pustakawan (Gred S1-S4)/ Jurufotografi/ Pereka (Gred B1-B4).

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PENGURUSAN

1. **Encik Amaruddin bin Isa**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

2. **Encik Noorazman Ariff bin Azizul Rahman**

Pengarah

Pusat Khidmat Kontraktor

PIHAK PEGAWAI

1. **Puan Arnydah binti Abdul Aziz**

Akauntan

Bahagian Akaun

- Mewakili Skim Perkhidmatan Akauntan (Gred W9-W12)

2. **Puan Nur Aqilah Auni Najlaa binti Aiyub**

Peguan Persekutuan

Pejabat Penasihat Undang-Undang

- Mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang (Gred L9-L12) dan Penolong Pegawai Undang-Undang (Gred L5-L7)

3. **Encik Mohd Najmi bin Ismail**

Penolong Setiausaha

Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan

- Mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M9-M10)

4. **Ir. Puan Zawiyatul Qubtiyah binti Baharom**

Penolong Pengarah

Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)

- Mewakili Skim Perkhidmatan Jurutera/ Arkitek/ Juruukur Bahan (Gred J9-J12)

5. **Puan Noorain binti Baharin**

Penolong Juruukur Bahan

Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)

- Mewakili Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuteraan Awam)/ Penolong Jurutera/ Penolong Juruukur Bahan (Gred J5-J7)

6. **Puan Nadhrah Athilah binti Razali**
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N6)
7. **Puan Nurhanisah binti Razali**
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N6)
8. **Encik Hafid bin Madderi**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Gred N1-N3)
9. **Encik Mohd Farid bin Alias**
Pembantu Khidmat Am
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
- Mewakili Skim Pembantu Khidmat Am (Gred H1)
10. **Encik Mohd Rizal bin Mahmood**
Pembantu Khidmat Am
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Mewakili Skim Pembantu Khidmat Am (Gred H1)
11. **Encik Mohd Fuad bin Asrumni**
Pengawal Keselamatan
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Keselamatan (Gred KP1)
12. Skim Perkhidmatan Pegawai Penerangan/ Pegawai Arkib/ Pegawai Hal Ehwal Islam/
Pegawai Psikologi/ Pustakawan (Gred S9-S12)

TURUT HADIR BERSAMA

1. **Encik Norizam bin Idris**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
- Mewakili Setiausaha Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

2. **Encik Mohd Hafiz bin Mohd Taib**
Ketua Seksyen Pengagihan dan Pembiayaan
Pusat Khidmat Kontraktor
- Mewakili Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor

URUS SETIA

1. **Encik Amir Izhah bin Alias**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

2. **Puan Siti Fatimah binti Mohd Isa**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

3. **Cik Rohadatul 'Aisy binti Sapiyi**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia